



## SIARAN AKHBAR

---

## PRESS STATEMENT

S.A. 2015/07/81 (HQ)

### TNB AMBIL ALIH 70% PEGANGAN DALAM JIMAH EAST POWER SDN. BHD. BERJUMLAH RM46.98 JUTA

- Pengambil alihan ini akan meningkatkan pendapatan jangka panjang TNB serta menambah nilai kepada pemegang-pemegang saham
- Mitsui & Co Ltd dari Jepun akan terus memiliki baki 30% pegangan dalam JEP

**Kuala Lumpur, 1 Julai 2015** - Tenaga Nasional Berhad (“TNB”) menandatangani Perjanjian Jual Beli Saham (“SSPA”) untuk mengambil alih 70% kepentingan ekuiti di Jimah Power Sdn. Bhd (“JEP”) sebanyak RM46.98 juta.

SSPA berkenaan telah ditandatangani dengan 1Malaysia Development Berhad (“1MDB”). TNB menerima Surat Tawaran (“LoA”) daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) untuk mengambil alih kepentingan ekuiti 1MDB dalam JEP. JEP adalah syarikat bertujuan khas (*special purpose vehicle*) yang ditubuhkan oleh 1MDB dan Mitsui & Co. Ltd (“Mitsui”) bagi melaksanakan perjanjian kewangan bagi membangunkan 2 X 1000 MW loji jana kuasa arang batu di Jimah (“Projek 3B”)

Mitsui dari Jepun akan terus memiliki baki 30% pegangan dalam JEP dan apabila selesai pengambil alihan ini, JEP akan menjadi anak syarikat TNB.

Projek 3B ini bakal membangunkan dua loji jana kuasa lapangan hijau (*green field*) bersebelahan Jimah Energy Ventures yang beroperasi di Port Dickson, Negeri Sembilan. Ianya merupakan asas kepada perancangan pembangunan tenaga dan terletak di tapak yang strategik serta penting untuk kestabilan perbekalan tenaga di Semenanjung Malaysia.

Datuk Seri Ir. Azman Mohd, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB berkata “Projek 3B ini amat sesuai bagi TNB kerana kami mempunyai pengalaman dan kepakaran bagi memastikan kejayaannya. Berdasarkan analisa kewangan dan ketekunan wajar (*due diligence*) yang terperinci, pengambil alihan ini dari komersialnya adalah munasabah, memberi impak positif terhadap pendapatan TNB dan akan menambah nilai jangka panjang kepada TNB.”

“Kami berpuas hati untuk bekerjasama dengan Mitsui sebagai rakan kongsi ekuiti strategik dan bersedia memberi kerjasama bisnes yang kukuh dengan sebuah syarikat tenaga yang berdaya maju,” tambah Datuk Seri Ir. Azman Mohd.



S.A. 2015/07/81 (HQ)

## POTENSI PENDAPATAN

Pengambil alihan JEP akan memberi impak positif terhadap pendapatan TNB sepanjang tempoh hayat Projek 3B dan akan menjana pulangan melebihi kadar had (*hurdle rate*) TNB.

Di bawah LoA berkenaan, Suruhanjaya Tenaga telah menawarkan TNB kenaikan tahap tarif (“levelised tariff”) tidak melebihi 26.67 sen setiap kWj. Tarif ini adalah lebih tinggi daripada yang dipersetujui di bawah tawaran sebelum ini kepada 1MDB-Mitsui, dan wajar untuk mengimbangi jangkaan peningkatan kos-kos pembinaan dan penurunan nilai Ringgit Malaysia di pasaran kewangan antarabangsa dalam Projek 3B.

Kos-kos projek dianggarkan sebanyak RM11.7 bilion dan akan dibiayai melalui kombinasi kewangan projek dan ekuiti yang merupakan perkara biasa untuk pembiayaan mana-mana pembangunan projek utama. Sebarang hutang yang ditanggung tidak akan memberi impak negatif kepada profil kredit TNB dan hutang yang kukuh (*consolidated gearing*) akan kekal pada tahap yang sesuai.

Projek 3B akan menambah satu lagi loji janakuasa berteknologi tinggi kepada portfolio penjanaan TNB serta melengkapkan portfolio operasi aset penjanaan yang bernilai tinggi kepada empat loji janakuasa arang batu *ultra-supercritical* yang penting. Ini akan mengukuhkan keupayaan penjanaan TNB di dalam dan luar negara serta rekod operasi penjanaan.

Kedua-dua loji tenaga Projek 3B dijangka mula beroperasi tidak lewat daripada 15 Jun 2019 dan 15 Disember 2019.

Pertimbangan pengambil alihan sebanyak RM46.98 juta adalah berdasarkan ketekunan wajar (*due diligence*) yang dilakukan oleh TNB dan firma audit bebas serta beberapa bahagian dalam kos-kos pembangunan yang perlu ditanggung untuk projek ini. Setakat 5 Jun 2015, kos pelaburan 1MDB adalah sebanyak RM83.68 juta.

Datuk Seri Ir. Azman menyatakan, “Pendekatan TNB terhadap sebarang peluang bisnes adalah mudah : ianya mesti munasabah dari segi komersial, mematuhi piawaian urustadbir korporat dan memaksimumkan nilai kepada pemegang saham TNB. Pengambil alihan pembinaan Projek 3B memenuhi semua kriteria ini, di samping memastikan ianya berdaya harap dan mengukuhkan keperluan tenaga Malaysia untuk jangka masa panjang.

-tamat-

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 3 Julai 2015**

Silaajukan pertanyaan kepada [hidzam@tnb.com.my](mailto:hidzam@tnb.com.my) dan [rafikiar@tnb.com.my](mailto:rafikiar@tnb.com.my)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)



S.A. 2015/07/81 (HQ)

## Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB meliputi bidang penjanaan, penghantaran, dan pembahagian tenaga elektrik. Di samping merupakan syarikat penjana elektrik utama Negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Ogos 2014, TNB membekalkan elektrik kepada 8.6 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan professional, pembinaan, operasi dan penyenggaraan kemudahan penyjukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkenaan dengan tenaga diperbaharui, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik yang bersepadu, TNB telah dan akan meneruskan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan Negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my)